

Asing sampah tingkat proses kitar semula

Bermula 1 September lalu kerajaan menetapkan secara mandatori pengasingan sisa pepejal di punca secara berperingkat di negeri yang menerima pakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672). Di bawah akta itu penduduk Putrajaya, Kuala Lumpur, Pahang, Melaka, Negeri Sembilan, Kedah, Johor, Melaka dan Perlis diminta melaksanakan langkah pengasingan ini sebagai usaha mengurangkan penghasilan sisa ke tapak pelupusan dan meningkatkan aktiviti kitar semula.

Menurut Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Abdul Rahman Dahlan, pelaksanaan pengasingan sisa pepejal itu bagaimanapun tidak akan mengenakan sebarang kompaun kepada isi rumah yang gagal mengasingkan sisa pepejal sehingga 1 Jun 2016, di mana jangka masa antara pengeluaran notis dan denda dilihat cukup untuk mendidik dan memberi kesedaran kepada masyarakat berkenaan peraturan berkenaan.

Kompaun RM50 akan dikenakan bagi kesalahan pertama jika gagal mengasingkan sisa

pepejal di punca mulai 1 Jun 2016, manakala kompaun bagi kesalahan kedua dikenakan sebanyak RM100 dan RM200 bagi kesalahan ketiga seperti termaktub dalam Akta 672 iaitu Akta Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam 2007.

Menurut beberapa tinjauan pihak berwajib, walaupun masyarakat menyambut baik program itu, masih ramai yang tidak mengetahui bagaimana untuk mengasingkan sisa di rumah dengan cara yang betul. Langkah paling asas mengamalkan pengasingan sisa pepejal di punca adalah dengan mengasingkan segala sisa basah seperti sisa makanan

dan lampin daripada sisa kering sebelum dibuang ke dalam tong disediakan.

Asing ikut kategori

Sisa kering yang diasingkan mempunyai tiga kategori utama iaitu kertas, plastik dan lain-lain.

Tiga kategori sisa itu boleh dikumpulkan dalam beg plastik atau mana-mana bekas bersesuaian dan diletakkan bersebelahan tong di luar rumah pada hari pihak konsesi dijadual mengutip bahan kitar semula berkenaan. Masyarakat perlu berganding bahu agar program ini mendapat sambutan kerana kita dapat melihat adanya kesedaran mengenai kepentingan amalan kitar semula.

Tiga langkah mudah untuk mengasingkan sisa pepejal di rumah adalah asingkan mengikut jenis ditetapkan, simpan sementara dalam bekas sesuai dan letakkan di tepi tong pada hari kutipan.

Pihak konsesi yang dilantik turut memerhati dan mencatat isi rumah yang ingkar terhadap peraturan berkenaan, selain menaikkan papan tanda perkhidmatan di seluruh taman yang diselenggara supaya penduduk dapat mematuhi jadual kutipan sisa pe-

pejal. Di bawah sistem kutipan baharu ini, sampah domestik akan dikutip sebanyak dua kali seminggu dan sekali seminggu bagi sisa pukat, sisa kitar semula dan sampah kebun.

Dua tahun lalu, media melaporkan ada kes membabitkan tindakan tidak bertanggungjawab membuang sisa pepejal di tempat tidak dibenarkan. Sebuah syarikat kontraktor didapati bersalah dalam kes yang dilakukan di Tampin, Negeri Sembilan.

Mahkamah Sesyen Kuala Pilah menjatuhkan hukuman denda RM25,000 atau penjara selama 10 bulan di bawah Seksyen 71(8) Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) ke atas berkenaan selepas didapati syarikat bersalah di bawah Seksyen 71(1) akta sama.

Justeru, masyarakat harus melipatkan usaha menteransformasi minda dalam penajatan kebersihan sejajar matlamat menjadikan Malaysia sebagai antara 10 negara bersih pada tahun 2020.

 **Dr Nurkhamimi Zainuddin,**
Fakulti Pengajian Bahasa Utama,
Universiti Sains Islam Malaysia.

E-MEL PEMBACA

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel:

bhforum@bh.com.my